



# POLISI PENGANTARABANGSAAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
UTEM

LG  
173  
.M44  
.U86  
2010  
ra  
n5

*Jutaan Terima Kasih*



Kepada

CANSelorI UTem

Daripada

Perpustakaan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Karung Berkunci 1752, Pejabat Pos Durian Tunggal  
76109 Durian Tunggal, Melaka

Malaysia

Tel: 06-331 6819 /6822 Fax: 06-331 6811

Laman Web: <http://library.utem.edu.my> E-Mail: library@utem.edu.my

UTeM

اویورسیتی تکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PERPUSTAKAAN  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

0000066922

20 JAN 2010

ra

LG173.M44 .U86 2010.



0000066922

Polisi pengantarabangsaan Universiti Teknikal Malaysia  
Melaka / Bahagian Pembangunan Akademik dan  
Antarabangsa, Canselori.



اوینور سیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Diterbitkan Oleh :

BAHAGIAN PEMBANGUNAN AKADEMIK DAN ANTARABANGSA, CANSELORI  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Kandungan

Visi & Misi Universiti	4
Visi & Misi Pengantarabangsaan	4
Objektif Pengantarabangsaan	4
1.0 Pengenalan	5
1.1 Latar Belakang	5
2.0 Polisi Pengantarabangsaan	5
2.1 Pelajar	5
2.1.1 Pengambilan Pelajar Antarabangsa	
2.1.2 Pembangunan Pelajar Tempatan	
2.1.3 Pembelajaran	
2.2 Staf	7
2.2.1 Pengambilan Staf Antarabangsa	
2.2.2 Pembangunan Staf	
2.2.2.1 Staf Akademik	
2.2.2.2 Staf Bukan Akademik	
2.2.3 Lawatan Staf Ke Luar Negara	
2.3 Prasarana & Infrastruktur	8
2.3.1 Penginapan	
2.3.2 Visa & Pas Pelajar	
2.3.3 Kesihatan & insuran	
2.3.4 Kaunseling & penyesuaian diri	
2.3.5 Sosial & keselamatan	
2.4 Kerjasama Antarabangsa	10
2.4.1 Pemilihan Rakan Strategik	
2.4.2 Bentuk Kerjasama	
2.4.3 Perancangan Aktiviti & Implikasi Kewangan	
2.5 Pengurusan & Pentadbiran	11
2.5.1 Bahagian Bertanggungjawab	
2.6 Rujukan	12

## **VISI UNIVERSITI**

Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif Dan Inovatif Terkemuka Di Dunia

## **MISI UNIVERSITI**

Melahirkan Ahli Profesional Yang Bersahsiah Murni, Kompeten Dan Berketerampilan Tinggi Melalui Pendidikan  
Universiti Teknikal Berkualiti Dan Bertaraf Dunia  
Berteraskan Pengajaran, Pembelajaran Dan Penyelidikan  
Berorientasikan Aplikasi Serta Perkongsian Pintar  
Universiti-Industri Sejajar Dengan Aspirasi Negara

## **VISI PENGANTARABANGSAAN**

Membina Reputasi Global

## **MISI PENGANTARABANGSAAN**

Meningkatkan Profil Universiti Di Persada Antarabangsa  
Melalui Jaringan Dan Jalinan Hubungan Global  
Dari Aspek Akademik, Penyelidikan, Pembangunan  
Modal Insan dan Pentadbiran

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## **OBJEKTIF PENGANTARABANGSAAN**

- Memberi pendedahan dan persaingan yang sihat kepada pelajar UTeM secara keseluruhannya melalui pengambilan pelajar antarabangsa dalam usaha meningkatkan mutu pembelajaran
- Mempunyai staf yang kompeten serta mampu bersaing di peringkat antarabangsa
- Menyediakan prasarana dan infrastruktur terbaik yang menyokong aktiviti pengantarabangsaan bagi menarik minat lebih ramai pelajar antarabangsa
- Menjalin dan memantapkan rangkaian hubungan antarabangsa melalui kerjasama dengan universiti dan industri
- Menyediakan perkhidmatan terbaik dan berkualiti dalam menyalaras aktiviti pengantarabangsaan supaya lebih fokus, strategik dan efisyen

## **1.0 PENGENALAN**

Kecemerlangan Malaysia di peringkat global memerlukan sistem pengajian tinggi yang relevan, berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pembangunan sejagat. Universiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa mampu menarik lebih ramai pelajar antarabangsa, menjana inovasi melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan, dan akan menghasilkan graduan yang berkebolehpasaran global. Atas dasar ini, elemen pengantarabangsaan menjadi salah satu teras utama bagi melonjakkan kecemerlangan pengajian tinggi negara.

### **1.1 LATAR BELAKANG**

Dalam dunia global, kerjasama antarabangsa dilihat sebagai indikator pencapaian kecemerlangan dan kualiti sesebuah institusi pengajian tinggi. Teras kelima dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara telah menggariskan beberapa petunjuk kepada IPTA untuk meningkatkan dan memantapkan strategi pengantarabangsaan masing-masing.

Selaras dengan itu, UTeM dalam Pelan Strategik 2009-2010 melalui Objektif 6 iaitu "Memperkuuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa" telah meletakkan dasar terhadap elemen pengantarabangsaan ini menjadi agenda utama universiti. Bagi mencapai hasrat ini, Bahagian Pembangunan Akademik dan Antarabangsa telah dipertanggungjawabkan untuk merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan dan keberkesanan program pengantarabangsaan Universiti.

## **UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

## **2.0 POLISI PENGANTARABANGSAAN**

Polisi pengantarabangsaan Universiti merangkumi lima elemen penting bertujuan untuk meningkatkan reputasi Universiti, kualiti graduan serta kualiti penyelidikan dan inovasi.

### **2.1 PELAJAR**

#### **2.1.1 Pengambilan Pelajar Antarabangsa**

Untuk memastikan para pelajar UTeM mendapat persaingan sihat dan pengalaman melalui pembelajaran bersama-sama dengan pelajar antarabangsa, maka Universiti mensasarkan jumlah enrolmen pelajar antarabangsa bagi Ijazah Pertama sebanyak 5% daripada bilangan keseluruhan enrolmen pelajar Sarjana Muda.

Manakala, tiada had yang ditetapkan bagi pelajar Ijazah Tinggi. Pengambilan pelajar antarabangsa adalah dihadkan kepada Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi sahaja.

Pengambilan pelajar antarabangsa adalah ditetapkan dengan mengikut kesetaraan kelayakan yang telah ditetapkan oleh MQA dan diperakukan oleh Senat Universiti.

Peluang kemasukan ke Ijazah Pertama hanya ditawarkan kepada pelajar antarabangsa yang cemerlang sahaja.

### **2.1.2 Pembangunan Pelajar Tempatan**

Dalam usaha meningkatkan pengetahuan pelajar tempatan tentang budaya, bahasa dan juga suasana pembelajaran di peringkat antarabangsa, maka Universiti menetapkan bahawa dasar peratusan pelajar tempatan yang mendapat pendedahan antarabangsa adalah sebanyak 30%.

Strategi yang digunakan adalah dengan memberi pendedahan kepada pelajar melalui penyertaan dalam aktiviti-aktiviti di peringkat antarabangsa seperti program lawatan, pertukaran dan mobiliti pelajar, seminar, bengkel, pameran dan pertandingan, dan persidangan luar negara. Program pertukaran dan mobiliti pelajar seharusnya diberi keutamaan kerana ianya dilihat boleh meningkatkan kualiti pembelajaran di mana program ini menyediakan peluang dan platform kepada para pelajar untuk membangunkan keupayaan diri masing-masing.

### **2.1.3 Pembelajaran**

Pelajar adalah dibenarkan untuk mengambil mata pelajaran di institusi luar negara melalui program mobiliti pelajar dan diberikan kemudahan pemindahan kredit. Universiti juga menerima pelajar dari luar negara melalui program yang sama dengan berpandukan garis panduan program yang telah disediakan.

Universiti juga menetapkan agar fakulti menawarkan program dan kursus yang relevan dan kompetitif untuk menarik pelajar antarabangsa. Penawaran program kepada pelajar antarabangsa turut diperluaskan kepada kursus pembangunan professional. Selain itu, program-program pembelajaran secara off-shore, joint-degree, double-degree dan juga split di peringkat ijazah tinggi diwujudkan melalui kerjasama antarabangsa dengan rakan strategik universiti.

## **2.2 STAF**

### **2.2.1 Pengambilan Staf Antarabangsa**

Bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, UTeM boleh mengambil staf antarabangsa sehingga 10% daripada jumlah staf akademik di sesebuah fakulti sebagai pensyarah kontrak. Selain itu, Universiti juga menggalakkan pelantikan pemeriksa luar, profesor pelawat, pemeriksa tesis, profesor adjung dan profesor tamu dari luar negara.

Universiti juga menetapkan agar semua staf kontrak antarabangsa diwajibkan untuk mengikuti kursus Bahasa Melayu (Komunikasi).

### **2.2.2 Pembangunan Staf**

#### **2.2.2.1 Staf Akademik**

Staf akademik adalah digalakkan untuk mendapat salah satu kelulusan akademik dari universiti luar negara (tertakluk kepada kemudahan pembiayaan). Manakala, bagi staf yang mempunyai semua kelulusan akademik dari dalam negara digalakkan untuk mendapatkan pendedahan di peringkat antarabangsa.

Untuk meningkatkan tahap profesionalisme di kalangan staf akademik, Universiti sentiasa menyokong mana-mana staf akademik untuk menawarkan perkhidmatan sebagai profesor pelawat, profesor tamu, dan juga pemeriksa tesis di luar negara.

Bagi pensyarah muda, Universiti menggalakkan dan menyediakan kemudahan untuk mereka membentangkan kertas kerja dalam persidangan antarabangsa yang berprofil tinggi. Untuk sebarang permohonan mengikuti latihan sabatikal dan sangkut industri di luar negara, keutamaan akan diberikan kepada staf yang mempunyai semua kelulusan akademik dari dalam negara.

Fakulti juga hendaklah memastikan bahawa semua staf akademiknya mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dalam Bahasa Inggeris dan kemahiran penguasaan dalam bahasa asing lain adalah digalakkan.

### **2.2.2.2 Staf Bukan Akademik**

Universiti sentiasa memberikan perhatian yang penuh kepada pembangunan sumber manusia bagi merealisasikan matlamat membentuk pekerja yang berpengetahuan (K-Workers) dan berinovasi. Dalam hal ini, Universiti turut memberi peluang dan menyokong mana-mana staf bukan akademik untuk mendapatkan pendedahan di peringkat antarabangsa sama ada melalui pertukaran staf, pembentangan kertas kerja, sangkutan di universiti ternama luar negara dan sebagainya.

### **2.2.3 Lawatan Staf Ke Luar Negara**

Universiti menggalakkan staf (akademik dan bukan akademik) untuk mengadakan lawatan sama ada ke universiti atau industri di luar negara bagi membina dan mengekalkan jaringan hubungan kerjasama. Walau bagaimanapun, lawatan berkenaan haruslah dibuat dengan mengikut garis panduan dan prosedur yang sepatutnya.

Dalam perkara ini, segala perancangan mengenai lawatan ke luar negara hendaklah dibuat terlebih dahulu terutamanya dari segi tujuan dan juga hasil yang dijangkakan agar lawatan berkenaan mendatangkan hasil yang positif.

## **2.3 PRASARANA DAN INFRASTRUKTUR**

### **2.3.1 Penginapan RSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Untuk menarik pelajar antarabangsa, Universiti mestilah mempunyai kemudahan penginapan yang bersesuaian dengan dilengkapi infrastruktur asas seperti kemudahan internet, kafeteria, ruang santai dan sebagainya.

Universiti menyediakan dua jenis penginapan untuk pelajar antarabangsa iaitu bagi pelajar bujang dan penginapan kelamin.

Universiti juga menyediakan bantuan untuk mendapatkan penginapan yang bersesuaian sekiranya pelajar antarabangsa memilih untuk tinggal di luar kampus sepanjang tempoh pengajian.

### **2.3.2 Visa dan Pas Pelajar**

Semua pelajar antarabangsa yang menerima tawaran melanjutkan pengajian di Malaysia adalah dimestikan untuk memohon bagi mendapatkan Pas Pelajar terlebih dahulu. Bahagian Pembangunan Akademik dan Antarabangsa bertanggungjawab untuk menguruskan segala hal ehwal yang berkaitan dengan permohonan Pas Pelajar dengan berpandukan kepada Garis Panduan yang telah disediakan.

Permohonan Pas Lawatan Sosial dan visa untuk keluarga pelajar (Ijazah Tinggi sahaja) juga akan diuruskan oleh Bahagian Pembangunan Akademik dan Antarabangsa.

### **2.3.3 Kesihatan dan insurans**

Semua pelajar antarabangsa adalah diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan sebagai salah satu syarat untuk mendapatkan Pas Pelajar. Pelajar juga diwajibkan untuk mempunyai insurans kesihatan minimum seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

### **2.3.4 Kaunseling dan penyesuaian diri**

Semua pelajar antarabangsa diwajibkan untuk mengikuti program orientasi dan suai kenal yang dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Akademik dan Antarabangsa.

Universiti juga menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada pelajar antarabangsa yang mempunyai masalah yang dikendalikan oleh pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

### **2.3.5 Sosial dan keselamatan**

Universiti amat menggalakkan penglibatan para pelajar antarabangsa dalam semua aktiviti yang dijalankan khusus untuk para pelajar. Untuk tujuan itu, Universiti menyediakan platform yang bersesuaian bagi menggalakkan interaksi dan komunikasi yang berkesan sesama pelajar.

Pelajar antarabangsa dibenarkan untuk mewujudkan persatuan yang menggabungkan semua pelajar antarabangsa bagi memastikan ikatan kemesraan terjalin erat antara pelajar serta dapat menyalurkan maklumat-maklumat dengan lebih berkesan.

Sepertimana pelajar tempatan, keselamatan pelajar antarabangsa UTeM adalah sentiasa terjamin selagi mereka berada di dalam kawasan kampus Universiti.

## **2.4 KERJASAMA ANTARABANGSA**

### **2.4.1 Pemilihan Rakan Strategik**

Untuk tujuan menambahbaikkan program-program di UTeM serta peningkatan reputasi, institusi yang dipilih mestilah Universiti yang ternama dan mempunyai ranking yang tinggi. UTeM boleh mewujudkan kerjasama dengan institusi yang kurang berprestij sekiranya ia memberi manfaat kepada UTeM untuk sama-sama membantu membangunkan universiti berkenaan.

### **2.4.2 Bentuk Kerjasama**

Lazimnya, sebarang kerjasama di antara UTeM dengan institusi luar negara dibuat melalui beberapa bentuk , iaitu Surat Niat (Letter of Intent), Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA).

Di antara kandungan kerjasama yang boleh dinyatakan di dalam MoU / MoA adalah seperti berikut :

- Penyelidikan dan Pembangunan
- Program dan aktiviti akademik
- Pembangunan sumber manusia
- Pertukaran staf dan pelajar
- Pertukaran bahan-bahan saintifik
- Penganjuran seminar, konferen dan yang seumpamanya

Semua kerjasama baru yang ingin dijalin perlu diteliti dari segi kesesuaian dan potensi impak kepada aspek-aspek pembelajaran, penyelidikan dan juga pentadbiran Universiti. Setiap bentuk kerjasama yang dibuat akan dipantau dan dikaji keberkesanannya dari semasa ke semasa.

### **2.4.3 Perancangan Aktiviti dan Implikasi Kewangan**

Perancangan aktiviti dan implikasi kewangan yang dinyatakan di dalam MoU / MoA akan dilakukan melalui perbincangan serta rundingan antara kedua-dua belah pihak. Ini akan melibatkan perkara-perkara seperti penetapan jenis aktiviti, kos, pihak bertanggungjawab dan lain-lain.

## **2.5 PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN**

### **2.5.1 Bahagian Bertanggungjawab**

Bahagian Pembangunan Akademik dan Antarabangsa adalah merupakan bahagian yang bertanggungjawab untuk menyelaras dan memantau semua aktiviti pengantarabangsaan Universiti.

Antara tugas-tugas bahagian ini adalah :

- i. Mengenal pasti projek dan inisiatif baru jaringan pengantarabangsaan
- ii. Menyelaras dan mengukuhkan perhubungan yang sedia ada dengan universiti luar negara terutamanya kerjasama berkaitan akademik.
- iii. Memantapkan pangkalan data jaringan kerjasama antarabangsa di samping menggalakkan kerjasama baru.
- iv. Terlibat secara langsung dalam menerima lawatan delegasi dari rakan institusi (partner institution) ataupun institusi yang berpotensi menjadi rakan kerjasama UTeM.
- v. Menyelaras dan memantau kemajuan segala perjanjian dan kerjasama (MOU dan MOA) antara UTeM dengan rakan institusi.
- vi. Membantu program-program universiti yang melibatkan badan ataupun institusi antarabangsa.
- vii. Membuat analisis serta penyelidikan dalam menyediakan maklumat yang dikehendaki oleh agensi ataupun kementerian terlibat berkaitan maklumat-maklumat antarabangsa UTeM.
- viii. Menerbitkan buletin ataupun laporan tahunan yang memuatkan aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan UTeM.
- ix. One-Stop Centre bagi semua urusan berkaitan pelajar dan staf antarabangsa.

## 2.6 RUJUKAN

Polisi Pengantarabangsaan UTeM ini diterbitkan selepas rujukan yang dibuat dengan beberapa buah universiti dalam dan luar negara.

Ucapan penghargaan diberikan kepada ;

- Universiti Sains Malaysia
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Umea University, Sweden
- Leeds Metropolitan University, United Kingdom
- Linkoping University, Sweden
- Lund University, Sweden

